



SYARAT DAN PERATURAN UMUM

SYARAT UMUM

1. Permohonan/pencalonan AAN dibuka **hanya** kepada ahli akademik **warganegara Malaysia**.
2. **Anugerah ini tidak akan diberikan kepada mana-mana individu secara anumerta (*posthumous*)**. Sekiranya terdapat pemenang yang meninggal dunia selepas penilaian, maka bahagian anugerah yang layak untuknya akan diberikan kepada warisnya.
3. Permohonan bagi semua kategori AAN terbuka kepada ahli akademik yang berkhidmat sepenuh masa, atau berjawatan hakiki, di Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia sepanjang tahun atau sebahagian daripada tahun yang dinilai **kecuali** Anugerah Tokoh Akademik Negara.
(Institusi Pendidikan Tinggi merujuk kepada semua universiti/kolej universiti awam dan swasta, politeknik, dan kolej komuniti)
4. Sekiranya tiada pemohon yang layak bagi sesuatu kategori, maka anugerah bagi kategori tersebut tidak akan diberikan.
5. Sekiranya terdapat sebarang maklumat palsu, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi berhak untuk menarik balik anugerah yang telah diberikan.
6. Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memastikan keaslian permohonan dengan membuat deklarasi terhadap sebarang penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan Generatif.
7. Keputusan Jawatankuasa Induk AAN adalah muktamad.

PERATURAN DAN TATACARA PERMOHONAN

1. Permohonan/pencalonan hendaklah dikemukakan melalui Sistem Permohonan Anugerah Kecemerlangan Akademik Negara (SPAKA) menggunakan pautan <https://spaka.mohe.gov.my>.
2. Permohonan/pencalonan hendaklah diperakukan secara dalam talian oleh Naib Canselor atau jawatan yang setaraf dengannya*. Sekiranya borang permohonan/pencalonan diperakukan oleh wakil/pemangkuanya, surat penurunan kuasa daripada Naib Canselor atau jawatan yang setaraf dengannya* perlu disertakan.

3. Bagi permohonan/pencalonan Naib Canselor atau jawatan yang setaraf dengannya* perakuan hendaklah diberi oleh Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah Universiti.
4. Calon boleh dicadangkan/dinamakan oleh mana-mana agensi luar. Namun, permohonan/pencalonan ini **MESTI** disalurkan melalui IPT serta mematuhi syarat-syarat permohonan AAN. **Permohonan yang tidak melalui mana-mana IPT tidak akan dipertimbangkan.**
5. Borang permohonan/pencalonan mestilah diisi dan disertakan dengan maklumat dan bukti yang sah dan lengkap.
6. **Ahli Jawatankuasa Pemilih boleh memohon dalam kategori yang lain daripada kategori keahliannya. Untuk memastikan ketelusan dan integriti AAN, AJK yang memohon dalam kategori yang sama keahliannya hanya boleh memohon setelah sekurang-kurangnya setahun tidak menjadi ahli.**
7. Ahli Jawatankuasa Induk AAN tidak boleh memohon atau dicalonkan dalam mana-mana kategori AAN semasa menjadi ahli.
8. Tarikh tutup permohonan/pencalonan ialah pada **5 Jun 2025**.
 - a) Semua permohonan/pencalonan dalam talian perlu diperakukan oleh Naib Canselor atau jawatan yang setaraf dengannya* sebelum atau pada jam 5.00 petang pada tarikh tutup.
 - b) Dokumen-dokumen seperti di bawah perlu sampai ke urus setia AAN secara fizikal sebelum atau pada jam 5.00 petang pada tarikh tutup. Bukti penghantaran tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan.
 - Dua (2) butir jaya diri (CV) dan dua (2) salinan bahan bukti bagi kategori Tokoh Akademik Negara dan kategori Ahli Akademik Harapan;
 - Tiga (3) salinan buku bagi kategori Anugerah Penerbitan Buku; dan
 - Bahan bukti bagi kategori Anugerah Seni dan Kreativiti serta kategori Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk

9. Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Aras 4, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
(UP: urus setia Anugerah Akademik Negara Ke-16)

Sila layari syarat dan peraturan untuk semua kategori di <https://jpt.mohe.gov.my/aan>.

**Rektor/Presiden/Ketua Eksekutif*